

19/02/2003

PM lihat i-penyaman udara pintar

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam telah melihat i-penyaman udara terbaru di pameran Malaysia 2003 yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13.

i-penyaman udara pintar, yang akan dilancarkan tidak lama lagi, adalah penyaman udara pertama di Malaysia dilengkapi pengesan kehadiran.

Inovasi

ini juga menandakan hasil pertama usaha penyelidikan bersama antara I-Berhad dan rakan pakatan strategik China.

I-Berhad akan memperkenalkan tiga siri penyaman udara pada tahun ini untuk memenuhi permintaan dan keperluan pelbagai pasaran. Setiap siri mempunyai paras digital teknologi yang bersesuaian dan keunikan tersendiri.

Sejarah menunjukkan strategi memperkenalkan pelbagai reka bentuk produk

setiap tahun telah membolehkan pengeluar Korea mendahului jenama Jepun untuk menjadi jenama utama bagi peti sejuk di pasaran tempatan.

Ada kalanya perubahan dalam alam perniagaan berlaku kerana satu penyaing

telah menukarkan peraturan permainan. Strategi pelbagai reka bentuk Korea

bagi peti sejuk adalah satu contoh.

Ketua Eksekutif I-Berhad, Eu Hong Chew, berkata syarikat yakin mampu muncul sebagai ketua dalam pasaran penyaman udara di Malaysia melalui pendekatan ala-Korea ini.

"Strategi ini bukan saja berkesan dalam memupuk minat dalam produk kami;

ia juga membolehkan konsumer menikmati produk dengan lebih banyak ciri inovatif dan rekabentuk," katanya.